
Title	Sejarah (ringkas) bahasa Melayu
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

SEJARAH (ringkas) BAHASA MELAYU¹

Oleh: Muhammad Ariff Ahmad (Mas)

Berchakap tentang sejarah Bahasa Melayu, mau atau tidak mau, kita mesti-lah mempelajari atau sa-kurang2-nya mengambil tau tentang bangsa Melayu, kerana ada-nya bangsa Melayu itu-lah maka lahir bahasa Melayu itu. Bahasa Melayu itu pasti-lah lahir sa-kurang2-nya sa-rentak dan menjadi sa-bagai alat orang2 Melayu itu untok menyampaikan gambaran fikiran dan menyuarakan warna perasa-an-nya, sama-ada dalam lengkongan bangsa Melayu itu sendiri atau kapada orang2 yang datang ka-Alam Melayu ini dan berkepentingan dengan orang2 Melayu.

Sumber2 sejarah, sa-takat yang di-ketahui, belum dapat memberikan keterangan yang lengkap mengenai asal-usul pertumbuhan bahasa Melayu itu. Kita baru hanya dapat mengatakan bahwa Bahasa Melayu itu ia-lah keluarga-bahasa-Austronesia dan telah mempunyai sejarah hampir2 dua ribu tahun.² Dr. Omar A.H., pula menegaskan bahwa bahasa Melayu itu lebeh tua sejarah-nya daripada bangsa Melayu itu sendiri.³

Untok memudahkan kita mengikuti derap dan rangkak Bahasa Melayu itu meniti detik2 sejarah-nya, mari-lah kita telitii per-tumbuhan-ya zaman demi zaman. Biar-lah saya bagi2kan zaman itu kapada:

- a) Zaman Purba – zaman menjadi lingua-franca.
- b) Zaman Gemilang – zaman menjadi bahasa empayar.
- c) Zaman Penjajahan – zaman menjadi bahasa kelas 4.
- d) Zaman Peralehan – zaman perjuangan mendaulatkan semula.
- e) Zaman Sekarang – zaman menjadi bangsa Kebangsaan.

ZAMAN PURBA (zaman lingua –franca)

Orang2 Melayu kuno menggunakan bahasa Melayu sa-bagai alat meliputi seluruh kehidupan-nya. Bahasa Melayu itu merupakan Bahasa pertutotan yang terpakai menurut daerah2-nya⁴ yang maseh murni - sa-belum mengalami kerisis2 kebudayaan.

¹ Renchana ini asal-nya saya tulis untok menenohi permintaan Setiausaha Minggu Bahasa Kebangsaan Singapura 1964, menurut surat-nya BC162/54; 15th; July 1964., tetapi menchana ini tidak mendapat tempat dalam Chenderamata DK 1964 itu.

² Lihat memoranda khas '50, OUP-1962,ms 60.

³ Lihat Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu, PR-1962, ms 189.

⁴ Lihat Peta Bahasa Melayu yang di-lampirkan untok renchana ini.

Orang2 Melayu suku Nias, mithal-nya, bertutor dengan bahasa Nias-nya yang tanpa fonim 'ng' serta fonim 'p'-nya yang mirip kapada 'f'⁵. Demikian-lah pula hal-nya dengan suku2 Melayu lain-nya, seperti:-

Orang2 Lampong, Aceh, Batak, Enggano, Korinchi di-Sumatera;

Orang2 Sunda, Jawa dan Madura di-Pulau Jawa;

Orang2 Baliaga, Bugis dan Sasak di-pulau2 Bali dan Lombok;

Orang2 Mendanau, Bugis, Mengkasar dan Toraja di-Sulawesi;

Orang2 Melayu dan Dayak di-Kalimantan;

Orang2 Semang, Sakai dan Pangan di Semenanjung Melayu.

Ekonomi telah menguasai manusia. Apabila ekonomi itu hidup, orang2 Melayu mengalami perubahan chara hidup: bahasa men-jadi bertambah penting untok mengimbangi perkembangan ekonomi dan kebudayaan orang2 Melayu kuno itu di-seluroh nusantara - Alam Melayu. Dan, kerana itu Bahasa Melayu yang telah sedia di-fahami oleh suku2 bangsa Melayu di-seluroh nusantara itu telah menjadi lingua-franca, menjadi Bahasa penghubung antara sesama mereka dan dengan orang2 yang datang kerana kepentingan2 ekonomi.

ZAMAN GEMILANG (zaman Bahasa empayar)

Semenjak tahun Masehi 600 hingga 1520, bangsa Melayu telah mempunyai sejarah yang gemilang. Bangsa Melayu telah di-takdirkan memileki tiga buah empayar, ia-itu:-

Kerajaan Sriwijaya dari tahun 600 hingga 1377,

Kerajaan Majapahit dari tahun 1292 hingga 1520,

Kerajaan Melaka dari tahun 1389 hingga 1511,

Ke-tiga2 buah kerajaan Melayu itu mewakili tiga utusan ugama. Sriwijaya ada-lah pengembang pengajaran dan falsafah Buddha, Maja-pahit penganut ugama Hindu, dan Melaka ia-lah Kerajaan Islam. Dalam ke-tiga2 empayar itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa politik – bahasa pemerintah dan bahasa ilmu pengetahuan pada masa itu – kerana bangsa Melayu pada masa itu hidup sa-bagai bangsa di- Alam Melayu ini.

⁵ Lihat Kebudayaan Sa-pintas Lalu 1, PR-1960, ms 42.

Piagam² yang tertulis pada prasasti² dengan bahasa Melayu kuno telah di-temui di-Talang Tuwo pada T.M. 683-684; di-Kota Kapur pada T.M. 686; di-Gandasuli (Jawa) pada tahun 832.

Pada tahun 671, sa-orang sami China bernama I-tsing telah datang menuntut ilmu bahasa Sanskerta dan falsafah Buddha di-sabwah perguruan di-Sriwijaya. Tidak-lah dapat di-nafikan bahwa I-tsing menuntut itu menggunakan bahasa Melayu yang di-resapi oleh kata² Sanskerta, terutama yang berhubung dengan teknik² ugama Buddha.

Kerajaan Majapahit lahir ketika nafas Seriwijaya senak² menuju ketenatan-nya. Kegagahan Majapahit itu melemahkan kuasa politik Sriwijaya tetapi tidak-lah membunuh kebudayaan Melayu yang telah di-suborkan oleh Sriwijaya ketika kekuasaan-nya meratai seluruh Nusantara. Demikian pula bila kerajaan Melayu Islam tegak di-Melaka. Melaka telah menjadi kota dagang bagi Alam Melayu, di-samping menjadi pusat kebudayaan Melayu dan pusat penyebaran pengajaran Islam di-Alam Melayu. Dalam semua fungsi pembangunan dan pertadbiran, bahasa Melayu dengan daya dan kegagahan-nya telah di-gunakan sa-bagai alat penghubung.

Pendek-nya hingga ka-peringkat akhir zaman gemilang itu, bahasa Melayu bukan saja menjadi lingua-franca tetapi ia menjadi bahasa kuasa bagi sa-buah Alam Melayu yang merdeka.

ZAMAN PENJAJAHAN (zaman kelas empat)

Pada peringkat awal pedagang² Eropah menjelajahi Alam Melayu ini, maseh tampak juga kebesaran bahasa Melayu itu, kalau di-perhatikan pada beberapa perkara ini:-

a) Sa-buah kamus Melayu-Itali (sa-benar-nya satu daftar kata² Melayu yang di-maknakan dalam bahasa Itali) telah di-susun oleh sa-orang anak-kapal Magellan yang bernama Figafetta. Kata² Melayu itu tertulis dalam tulisan Rumi ejaan Itali yang di-maksudkan untok memberikan peluang kepada peneroka² Barat lebeh mesra dengan bumiputera Alam Melayu ini. Kamus itu di-siapkan oleh Figafetta pada tahun 1520.

b) Sa-orang pengembara Belanda, Jan Huijghen van Linschoten, menyatakan bahwa dalam tahun 1600an bahasa Melayu-lah yang menjadi Bahasa di-seluruh Nusantara. Bahasa itu amat halus dan di-muliakan oleh bumiputera. Orang² mulia di-Nusantara berbahasa Melayu saperti orang² Eropah berbahasa Peranchis⁶.

⁶ Lihat Perintis Sastera, BP-1953, ms 101.

c) Sa-telah mengalami tiga ugama- Buddha, Hindu dan Islam – bahasa Melayu menjadi bertambah kaya dengan kata2 asing yang telah menyisip masuk menjadi keluarga kata2 Melayu.

Tetapi, apakala pedagang2 Eropah itu mulai berchakar2an antara sesama mereka sendiri, keinginan mereka hendak menguasai pusat2 perdagangan pun timbul. Satu demi satu bidang politik Nusan-tara ini di-champertangani-nya. Penjajah pertama ia-lah orang2 Portugis. Lepas melumpuhkan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511, Portugis menguasai Maluku pada tahun 1522. Langkah kapitalis-com-penjajah Portugis itu di-turuti oleh Belanda dengan mendaratkan Cournelis de Houtman di-Banten (Jawa Barat) pada tahun 1596. Kemu-dian kompeni Inggeris pula menguasai wakil-nya, Francis Light, mengambil Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada tahun 1786.

Walaupun ada juga tanda2 yang menunjukkan sa-olah2 penjajah itu hendak memajukan Bahasa Melayu, tetapi yang sa-benar-nya ia-lah sa-mata2 menunjukkan ketidakmampuan mereka hendak menghapuskan sama sekali Bahasa Melayu itu. Pada tahun 1615 – menurut Brugmans – bahasa Melayu maseh di-gubakan di-Ambon sa-telah tidak berjaya me-maksakan penggunaan bahasa Belanda di-sama. Pada tahun 1631 – menurut Danckaerts – sekolah2 katolik di-Maluku menggunakan Bahasa Melayu; dan untuk kepentingan sekolah2 katolik itu Leydekker telah menyiapkan terjemahan injil-nya ka-bahasa Melayu.

Bagaimana pun bumiputera hanya dapat bertahan menurut ke-mampuan-nya sahaja. Apakala nafsu pedagang/penjajah itu bertambah besar, maka bersama-sama dengan kemerosotan kekuasaan politik Melayu, bahasa Melayu terus mundor. Apakala tanah-air kita ini di-bagi dua oleh perjanjian East India Company (Inggeris) dengan Vereenigde Oostindische Compagnie (Belanda) pada 17hari bulan March 1824⁷, maka bahasa Melayu pun mulai-lah tidak bermaya. Dari semenjak itu per-kembangan bahasa Melayu mengambil jalan-nya sendiri. Perkembangan-nya di-Nusantara sa-takat yang diperkenankan oleh Belanda, sedangkan perkembangan-nya di-Semenanjung kita ini sa-takat yang di-perlukan oleh Inggeris sa-mata2.

Memang-lah benar Inggeris telah mendirikan sekolah2 Melayu di-Singapura semenjak tahun 1856 dan telah mengadakan Maktab Guru2-nya pada tahun 1895 tetapi pelajaran yang di-berikan melalui Bahasa Melayu itu hanya-lah sa-takat membolehkan orang2 Melayu itu boleh menjadi kuli2-nya yang tergolong dalam kuli2 kelas empat sahaja. Hanya-lah orang2 yang lulus dari Sultan Idris Training College, di-Tanjong Malim itu sahaja,

⁷ Lihat Sejarah Alam Melayu 4, ms 137; 3, ms 298.

orang2 berbahasa Melayu yang mendapat taraf kelas tiga. Siapa yang hendakkan taraf kelas dua atau satu mesti-lah menerima pelajaran-nya dalam Bahasa Inggeris.

ZAMAN PERALEHAN

Sa-takat yang dapat di-rekodkan, gerakan kebangsaan untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sa-sudah di-tindas oleh kekuasaan Barat yang di-mulai dari persetiaan Inggeris-Belanda 17.3.1824 itu ia-lah pada tahun 1921. Melalui mejalah 'Jong Sumatera' Mohamad Jamin menulis tentang bahasa, bangsa, dengan moto: APA YANG KAU WARISI DARI-PADA NENEK MOYANG-MU, USAHAKAN-LAH SUPAYA DAPAT ENKKAU MENJADIKAN-NYA HAK MILEK-MU. Semangat itu makin hidup meluap2 apakala Kongres Pemuda yang di-adakan di-Djakarta pada 28.10.1928 itu menetapkan bahwa Bahasa Indonesia ia-lah bahasa Melayu.

Penegasan pernyataan pemuda itu di-laksanakan mulai dari Kongres Bahasa Indonesia yang pertama di-Solo pada 25 hingga 28 haribulan Jun, 1938.

Kongres Persuratan Melayu Malaya pula yelah di-adakan di-Singapura pada 12 dan 13 April 1952. Kongres ini menyuarakan bahwa kita tidak mau negara Malaya yang akan merdeka ini kelak menjadi sa-buah negara bisu atau negara yang meminjam bahasa orang lain. Suara itu di-tegaskan dalam sa-buah memorandum kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu oleh Kongres Kedua yang berlangsung di-Seremban mulai 31.12.2. hingga 2.1.54- 2.11.54, selogan 'Bidok lalu kiambang bertaut' di-laungkan.

Kongres ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu, telah di-adakan di-University Malaya di-Singapura dari 16 hingga 21 haribulan September 1956. Rumusan2 yang tegas bagaimana hendak melaksanakan tuntutan Kongres supaya bahasa Melayu di-jadikan Bahasa Kebangsaan itu telah di-serahkan kepada Menteri Pelajaran. Pada hari penutup Kongres itu-lah, untok pertama kali-nya, panitia Kongres menyalakkan selogan BAHASA JIWA BANGSA.

ZAMAN SEKARANG (zaman bahasa Kebangsaan)

Kerana desakan masharakat bahasa itu-lah maka di-dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu di-chatatkan pasal 152 itu, begini terjemahan-nya:-

bahagian XII – BERBAGAI2 PERKARA

152 (1) Bahasa Kebangsaan ia-lah bahasa Melayu dan hendak-lah di-tulis dengan huruf yang di-tetapkan oleh Parlimen dengan undang2: tetapi

- a) tiada boleh sa-siapa di-larang atau di-tahan memakai (kechuali untok maksud rasmi) atau mengajar atau belajar bahasa lain; dan
- b) Fasal ini tiada menyentoh hak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri menyelamatkan dan menjaga pergunaan dan pelajaran bahasa kaum lain di-Persekutuan.

2) Walau apa pun yang tersebut di-dalam Fasal (1), sa-lama sa-puluh tahun lepas hari merdeka, dan lepas itu sa-lagi belum di-ubah oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh di-pakai di-kedua2 Dewan Parlimen, di-Dewan tiap2 negeri dan bagi sekalian maksud rasmi yang lain.

3) Walau apa pun yang tersebut di-dalam fasal (1), sa-lama sa-puluh tahun lepas Hari Merdeka, dan lepas itu sa-lagi belum di-ubah oleh Parlimen, salinan yang berkuatkuasa bagi:-

- a) sekalian Rang undang2 dan pindaan2 kapada-nya yang di-bawa ka-hadapan majlis mana2 Dewan Parlimen, dan
- b) sakalian undang2 yang di-perbuat oleh Kerajaan Persekutuan, hendak-lah di-tulis di-dalam bahasa Inggeris.

4) Walau apa pun yang tersebut di-dalam fasal (1), sa-lama sa-puluh tahun lepas Hari Merdeka, dan lepas itu sa-lagi belum di-ubah oleh Parlimen, sekalian perkerjaan (proceedings) di-dalam mahkamah tinggi hendak-lah di-buat di-dalam bahasa Inggeris. Tetapi jika mahkamah dan peguan kedua pihak bersetuju, keterangan yang di-ambil di-dalam bahasa yang di-pakai oleh saksi tiada payah di-Inggeriskan atau di-tulis dalam bahasa Inggeris.

5) Walau apa pun yang tersebut di-dalam Fasal (1), sa-lagi belum di-ubah oleh Parlimen, sekalian perkerjaan (proceedings) di-dalam mahkamah rendah, sa-lain daripada menulis keterangan, hendak-lah di-buat di-dalam bahasa Inggeris.

Untok menchapai tujuan yang di-kehendaki oleh kongres dan oleh Perlembagaan Persekutuan itu, beberapa usaha memelayukan istilah2 pengajaran dan kemasharakatan telah di-usahakan oleh Dewah Bahasa. Untok menggalakkan rakyat berbahasa Kebangsaan telah di-usahakan kerajaan mengadakan kelas2 bahasa Kebangsaan dan Minggu2 serta Bulan2 Bahasa Kebangsaan. Ber-juta2 ringgit sudah kita habiskan untok mendaulatkan

bahasa Kebangsaan kita itu, Sekarang, hanya pengakuan rakyat-lah yang akan menentukan apa-kah pada tahun 1967 (saperti yang pernah kita dengar laungan di-sana sini) itu kita dapat menentukan berbahasa Kebangsaan yang tunggal:

sekian.


PETA (daerah) BAHASA2 MELAYU/INDONESIA.

di-padankan dengan Ensiklopedia Indonesia
mukasurat 672, lampiran 1.

Rumpunan bahasa

A = Austro-Asia
B = Nusantara
C = Halmahera Utara

D = Bahasa2 Irian
E = Bahasa2 Melanesia
F = Bahasa2 Australia



- A I = bah2 Mon(g); Khmer
- B I = bah2 Filipina
- II = bah2 Melayu Sumatera
- III = bah2 Jawa
- IV = bah2 Kalimantan
- V = bah2 Bali-Sasak
- VI = bah2 Gorontalo
- VII = bah2 Tomini
- VIII = bah2 Toraja

- IX. bah2 Loinan
- X. bah2 Bungku-Laki
- XI. Bah2 Sulawesi Selatan
- XII. bah2 Muna-Butung
- XIII. bah2 Bina-Suaba
- XIV. beh2 Ambon Timor
- XV. bah2 Sula-Bachan
- XVI. bah2 Halmahera Selatan

C = bahasa2 Halmahera Utara
D = bahasa2 Irian

E = bah2 Melanesia
F = bah2 Australia.